

Dr
Mohd Yahya Mohd Ariffin



(Profesor Madya dan Timbalan Dekan, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia)

Usahawan tani sebagai kerjaya

Pernahkah pelajar tanpa mengira jurusan yang sedang menuntut di institusi pengajian tinggi (IPT) terfikir untuk menceburi sektor pertanian sebagai usahawan selepas menamatkan pengajian?

Mungkin pelajar berasa tidak pasti sama ada ingin bekerja dalam sektor awam, swasta atau mencari pendapatan sendiri sebagai usahawan khususnya pertanian. Jika ingin berdikari dan mencari pendapatan yang lebih, pelajar boleh menjadi usahawan tani.

Bekerja sebagai usahawan biasanya membabitkan pelbagai bidang misalnya peruncitan, makanan, pengeluaran, perkhidmatan, pembekalan, hartanah, barangan dan kemahiran.

Sebenarnya, peluang sebagai usahawan tani di negara ini terbuka luas cuma mungkin pelajar tidak terdedah dengan maklumat mengenai peluang yang tersedia ada, malah kerajaan sentiasa menggalakkan rakyat khususnya Bumiputera menceburi bidang ini.

Kerajaan dilihat memberi penekanan kepada bidang pertanian kerana hasil pengeluaran seperti beras, sayur-sayuran, buah-buahan sangat diperlukan oleh kita semua. Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak ketika merasmikan Mesyuarat Agung Perwakilan Pertubuhan Peladang Kebangsaan ke-39 pada akhir tahun lalu percaya bahawa kemajuan dalam bidang pertanian akan menarik lebih ramai golongan muda termasuk siswazah.

Pelapis diperlukan

Tentunya pembabitan mereka amat penting kerana negara memerlukan pelapis bagi meneruskan kelangsungan aktiviti pertanian. Kerajaan juga menubuhkan banyak tabung kewangan bagi membantu bakal usahawan memulakan perniagaan.

Memandangkan bidang keusahawanan tani berpotensi sebagai kerjaya pilihan bakal siswazah, maka Kementerian Pengajian Tinggi mendedahkan kemahiran keusahawanan kepada pelajar universiti melalui modul kemahiran insaniah yang perlu dikuasai pelajar

sebelum memasuki dunia keusahawanan.

Satu daripada bidang yang berpotensi ialah agromakanan di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA). Maklumat MOA menunjukkan pada 2012 keahlian Kelab Usahawan Siswazah Tani (MyAgrosis) yang dilancarkan Perdana Menteri pada 17 Disember 2011 berjumlah 4,900 saja.

Jika dianalisis jumlah itu amat kecil berbanding bilangan graduan yang keluar daripada IPT setiap tahun. Apatah lagi ramai yang masih belum mendapat pekerjaan, maka ini merupakan satu peluang kerana MyAgrosis masih memerlukan lebih ramai siswazah agromakanan.

Meningkatkan keluaran

Jika mencecah jumlah 10,000 ahli seperti jangkaan MOA, negara dapat mengurangkan 10 peratus import makanan terutama beras, sayur-sayuran dan buah-buahan. Sebenarnya nilai import bahan makanan untuk memenuhi permintaan dalam negara amatlah besar. Maklumat Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menunjukkan pada 2011, negara meng-

import bahan makanan berjumlah RM34.45 bilion berbanding nilai eksport RM20.5 bilion.

Kementerian itu sangat menggalakkan siswazah menyertai industri agromakanan ini dengan menyediakan dana berjumlah RM20 juta untuk membiayai projek MyAgrosis. Dengan Moto 'Pertanian Adalah Perniagaan' MOA melihat agromakanan sebagai satu peluang perniagaan kepada siswazah sebagai usahawan tani seterusnya, dapat memakmurkan masyarakat dan negara.

Oleh itu, jika pelajar mempunyai minat yang mendalam maka ambillah peluang ini dan tentunya tidak merugikan pelajar dengan syarat berusaha dengan tekun, rajin dan komited. Dari satu segi, pembabitan siswazah dalam sektor pertanian dapat membantu mengatasi isu keperluan dan kekurangan bekalan makanan di negara ini.

Sesungguhnya, menjadi usahawan tani ialah satu fardu kifayah kerana membantu dan memberi keselesaan kepada orang lain dari segi keperluan makanan. Kementerian itu melalui semua agensinya bersedia membantu dalam pelbagai aspek daripada peringkat latihan, pembiayaan dan

pemasaran. Apa yang penting ialah kesediaan bakal graduan untuk menjadikan bidang pertanian ini sebagai kerjaya.

Latihan

Majlis Latihan Pertanian Kebangsaan (NATC) akan menyediakan latihan kepada peserta yang berminat meneroka bidang agromakanan.

Pembiayaan

MOA melalui AgroBank akan menyalurkan bantuan kewangan daripada dana MyAgrosis kepada peserta yang berjaya menjalani latihan di NATC.

Pemasaran

Pihak FAMA akan memantau siswazah tani untuk memasarkan hasil keluaran tanaman mereka. Difahamkan FAMA akan membuka lebih banyak pasar tani di seluruh negara bagi memudahkan usahawan tani memasarkan hasil.

Kelebihan menjadi usahawan tani

- Anda berusaha sendiri dengan bantuan agensi di bawah MOA untuk mencapai kejayaan.
- Anda menentukan sendiri sasaran kerja yang dilakukan.
- Anda dibantu oleh kakitangan sendiri.
- Pendapatan bergantung kepada usaha sendiri.
- Mendapat bantuan latihan, pembiayaan dan pemasaran daripada agensi MOA.

Maklumat lanjut boleh diperoleh dengan melayari laman web www.fama.gov.my atau www.moa.gov.my atau telefon 03-61262020 / 03-88701000.



GAMBAR HIASAN